

# Kementerian kaji wajibkan

BH 30 OCT 2002

KUALA LUMPUR, Selasa – Semua sekolah agama rakyat (SAR) mungkin diwajibkan mendaftar sebagai institusi pendidikan mengikut Akta Pendidikan 1996 bagi memudahkan Kementerian Pendidikan mengawal selia pentadbiran dan pembelajarannya.

Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Abdul Rafie Mahat, berkata Kementerian Pendidikan dan Jabatan Peguam Negara sedang mengkaji cadangan berkenaan.

Beliau berkata, tujuannya bagi memastikan supaya kegiatan meracuni fikiran pelajar SAR dengan

fahaman salah seperti membenci pemimpin tidak terus berleluasa.

Ketika ini, sekolah terbabit diselia pihak berkuasa agama Islam negeri kerana perlembagaan agama di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

Beliau juga berkata, laporan siasatan terhadap SAR sudah siap, tetapi enggan mengulas lanjut mengenainya kerana ia akan dibentangkan pada mesyuarat Kabinet.

“Kementerian menerusi Jabatan Pendidikan Agama Islam dan Moral serta Jabatan Pendidikan Negeri bekerjasama dengan jabatan

agama dalam menjalankan siasatan terhadap SAR.

“Kerajaan beri bantuan dalam bentuk geran tahunan, namun, dalam masa sama, kita menerima beberapa aduan guru SAR menyemai sifat benci kepada pemimpin dan apabila disiasat didapati ia benar-benar berlaku.

“Kementerian Pendidikan sudah selesai menyiapkan dan membuat laporan mengenainya. Namun, saya tidak dapat memberi penerangan terperinci buat masa ini.

“Saya minta guru supaya menumpukan kepada tugas utama mendidik anak

bangsa kita dengan cara yang benar, bukan meracuni fikiran mereka dengan fahaman salah, ‘kalau putih, kata putih’,” katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

SAR terbahagi kepada dua, iaitu SAR yang ditadbir Majlis Agama Islam Negeri dengan kurikulumnya disediakan Kementerian Pendidikan dan SAR yang ditadbir Lembaga Sekolah Agama masing-masing.

Beliau mengulas penguumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Jumaat lalu, mengenai tindakan kerajaan menghentikan sementara

## SAR didaftar

bantuan perkapita kepada SAR kerana mendapati ada sekolah terbabit digunakan untuk mengajar anak-anak supaya membenci pemimpin hingga disamakan dengan Firaun.

Dr Mahathir berkata, tindakan itu bertujuan membolehkan kerajaan mengkaji status sekolah berkenaan dan memastikan ia benar-benar mengajar agama dan bantuan itu akan diberi semula setelah kerajaan berpuas hati sekolah agama berkenaan tidak lagi lari daripada kurikulum ditetapkan.

Terdahulu, Rafie merasakan Persidangan Ke-

bangsaan Pendidikan Matematik 2002 anjuran Jabatan Matematik, Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Dalam perkembangan lain, Abdul Rafie berkata, pemberian kerja rumah perlu diselaraskan supaya tidak bebankan pelajar.

“Janganlah tiba saja hujung minggu semua guru memberi kerja rumah, jadi sudah tentu murid berkenaan tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk menyiapkan semua kerja rumah bagi 10 mata pelajaran.

“Mereka perlu masa un-

tuk aktiviti di rumah seperti beriadah dan menghabiskan masa bersama ahli keluarga,” katanya.

Mengenai saranan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein untuk mewujudkan Program Rakan Muda di sekolah, beliau berkata, ia aktiviti yang baik dan pihak sekolah perlu menyokong pelaksanaannya.

Bagaimanapun, katanya, keutamaan perlu diberikan kepada aktiviti yang disediakan sekolah dan berhubung pelaksanaan program Rakan Muda tidak bertembung dengan aktiviti kokurikulum sekolah.